

Banjir kilat terburuk landa Puchong

PUCHONG - Beberapa buah kenderaan terperangkap selepas ditenggelami banjir kilat sedalam 1.5 meter berhampiran pusat beli-belah IOI Mall di Bandar Puchong Jaya di sini semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohamad Sani Harul berkata, hujan lebat tanpa henti sejak pukul 4.30 petang menyebabkan kawasan itu ditenggelami air.

Bagaimanapun, menurutnya, kejadian itu tidak melibatkan kemalangan jiwa.

"Bomba menerima panggilan pada pukul 5.30 petang dan se tibanya anggota ke lokasi mendapati beberapa buah kenderaan telah ditenggelami air.

"Punca air naik begitu cepat adalah disebabkan banjir kilat dan hujan lebat tanpa henti sejak pukul 4.30 petang," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, banjir di kawasan itu surut kira-kira pukul 6 petang.

"Banjir kilat sedalam 1.5 meter itu merupakan pertama kali melanda kawasan Bandar Puchong Jaya sejak beberapa tahun lalu




KAWASAN pusat beli-belah IOI Mall, Puchong yang ditenggelami banjir kilat semalam.

dan ia boleh dikatakan agak teruk kerana melibatkan kerosakan beberapa buah kenderaan," katanya lagi.

Sementara itu, pihak Lingka-

ran Trans Kota Sdn. Bhd. (Littrak) ketika dihubungi berkata, pihaknya terpaksa menutup Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di kilometer 21.4 selepas



BEBERAPA buah kenderaan yang terperangkap dalam banjir kilat di Bandar Puchong Jaya, Puchong semalam.

ditenggelami banjir sedalam 1.5 meter sejauh 50 meter.

Katanya, lebuhraya itu ditutup kepada semua kenderaan pada pukul 5.16 petang dan dibuka

semula pukul 6.17 petang.

"Banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada longkang di kawasan berkenaan tersumbat," ujarnya.